**Keperluan amalan tadbir urus korporat dalam penjanaan dana wakaf pendidikan tinggi**

ABSTRAK

Kemunculan wakaf pendidikan tinggi merupakan satu inisiatif baru dan hangat diperdebatkan dalam memperkasakan pendidikan tinggi negara. Namun, keperluan kepada amalan tadbir urus perlu diberi perhatian dalam penjanaan dana wakaf. Kemajuan atau kemunduran sesebuah institusi bergantung kepada sistem tadbir urus yang dijalankan. Dengan tadbir urus yang adil dan sistematik secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi dan perkembangan yang berterusan bagi institusi wakaf pendidikan tinggi. Justeru, artikel ini menerangkan secara terperinci elemen amalan tadbir urus korporat dalam penjanaan dana wakaf pendidikan tinggi. Di samping itu, artikel ini turut membincangkan keperluan amalan tadbir urus korporat dalam penjanaan dana wakaf pendidikan tinggi bagi memantapkan lagi pengurusan yang lebih efisien dan sistematik.

**Kata kunci:** Wakaf pendidikan tinggi; Amalan tadbir urus korporat; Penjanaan dana